



NAJIB (tengah) diberikan penerangan mengenai reka bentuk hospital oleh Ketua Pegawai Eksekutif BHO Group Sdn Bhd Datuk Hairul Benjamin (dua kiri) selepas melancarkan projek pembangunan Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sabah (HUMS) pada Jumaat. Turut sama, Musa (tiga kanan), Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Dr Mary Yap Kain Ching (dua kanan) dan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin (kanan).

Gambar Bernama

HUMS bakal lahir lebih ramai doktor, pakar perubatan: Musa

UB 3.3.2018 A1

KOTA KINABALU: Projek pembinaan Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) akan memberi nilai tambah dalam usaha kerajaan negeri melahirkan lebih ramai doktor dan pakar perubatan khususnya untuk keperluan di negeri ini, kata Ketua Menteri Tan Sri Musa Aman.

Beliau berkata Sabah masih lagi kekurangan jumlah doktor dan pakar perubatan, dan bilangan tersebut perlu ditambah bagi membolehkan rakyat negeri ini terutama mereka yang menghidap penyakit kronik mendapatkan rawatan sejawarnya.

“Saya percaya model

hospital pintar ini mampu memenuhi keperluan rakyat dalam mendapatkan rawatan menerusi teknologi perubatan lengkap dan canggih selain kemudahan melaksanakan aktiviti pembelajaran dan penyelidikan perubatan,” katanya berucap pada majlis pelancaran Projek Pembangunan HUMS di sini, pada Jumaat.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ditutup turut dihadiri Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri

Abdul Rahman Dahlan serta menteri-menteri Kabinet negeri dan Persekutuan.

Musa yang juga Pro Canselor UMS berkata, pembinaan HUMS itu adalah bukti keprihatinan kerajaan dalam memperkasa, sekali gus meningkatkan lagi mutu prasarana pendidikan tinggi di Sabah.

Dengan beroperasinya hospital pengajar pintar itu kelak, beliau berkata, UMS mampu berdiri sama tinggi dengan universiti terkemuka negara yang turut menawarkan program pengajian perubatan dan memiliki hospital sendiri.

“Kerajaan di bawah kepimpinan perdana menteri terus memikirkan dan berusaha melaksanakan pelbagai pendekatan termasuk memperkasa ilmu perubatan dan perkhidmatan kesihatan demi kepentingan rakyat,” katanya, dan berharap UMS terus melakar kejayaan yang membanggakan Sabah.

Bercerita berhubung pembinaan UMS di Sabah, Musa berkata perdana menteri yang pada ketika itu memegang portfolio sebagai menteri pendidikan telah datang ke Sabah untuk menyempurnakan majlis pecah tanah bagi membangunkan

universiti awam berkenaan pada 1995.

Beliau berkata ia menjadi titik tolak dalam melahirkan lebih ramai graduan dan modal insan cemerlang di Sabah dalam pelbagai bidang sekali gus memangkin pembangunan pendidikan lebih bermutu di negeri itu.

Katanya komitmen tersebut diteruskan sehingga ke hari ini menerusi pelbagai peruntukan dan program diperkenalkan kerajaan termasuk kad diskau siswa 1Malaysia; bantuan awal persekolahan; dan rancangan makanan tambahan untuk golongan kurang berkemampuan. -Bernama